

Dasar penetapan harga runcit petrol, diesel kekal

KPDNHEP tukar mekanisme penguatkuasaan kawalan tingkat pemantauan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan tiada perubahan dasar penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel.

Mentertinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata penetapan harga runcit petrol dan diesel dibuat melalui 'Automatic Pricing Mechanism' (APM) yang dipengaruhi harga minyak diproses sehari-hari harga minyak mentah dunia.

"Sejak 30 Mac 2017, harga jualan runcit petrol dan diesel ditetapkan secara mingguan dan dikuat-

kuatan jualan runcit petrol dan diesel melalui Surat Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, perubahan mekanisme itu bertujuan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan pemantauan pada peringkat KPDNHEP sekiranya ada sebarang pelanggaran arahan di bawah akta yang berkuat kuasa.

"Dalam menjamin kepentingan pengguna, KPDNHEP komited memastikan pematuhan semua syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak terhadap harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

"Mengambil kira trend semasa harga minyak mentah dunia, kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," katanya.



Harga jualan runcit petrol dan diesel ditetapkan secara mingguan sejak 30 Mac 2017. (Foto hiasan)

kuasakan oleh KPDNHEP melalui warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel).

"Tujuan pewartaan adalah untuk menguatkuasakan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel oleh syarikat minyak dan

pengusaha stesen minyak agar tidak melebihi harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Alexander berkata, bagaimanapun bermula 29 Februari lalu, KPDNHEP menukar mekanisme penguatkuasaan kawalan harga



Tujuan pewartaan

adalah untuk menguatkuasakan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel oleh syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak agar tidak melebihi harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna